

PM AKAN DEDAH

MAM 11 DEC 1983

HPETUALANG₂

Oleh
Razak Rashid Ghows

KUCING 10 Dis. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi pengakuan bahawa beliau akan mendedahkan kepada rakyat kerja-kerja petualang yang mencuba menghalang usaha kerajaan menyelesaikan isu pindaan perlembagaan jika usaha itu gagal.

Perdana Menteri berkata, sekiranya usaha itu tidak berjaya, segala tindak-tanduk kerajaan, usaha-usaha pihak lain dan kerja-kerja petualang yang menghalangnya akan didedahkan secara langsung kepada rakyat.

"Siapa yang menghalang dan sebab-sebab mereka berbuat demikian juga akan didedahkan," tegasnya kepada kira-kira 20,000 orang penyokong kerajaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kucing pagi ini.

Terdahulu dari itu ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir dan isteri, Datuk Paduka Datin Sri Dr. Siti Hasmah serta rombongan di lapangan terbang di sini disambut oleh pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan ribuan penyokong lain dengan berbagai adat tradisional tempatan.

Berbagai sependuk direntangkan di sekitar kawasan lapangan terbang itu untuk menyokong pentadbiran Datuk Sri Dr. Mahathir dan pendiriannya di dalam isu pindaan perlembagaan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata kerajaan sanggup bertolak ansur seberapa daya yang boleh untuk menyelesaikan isu pindaan perlembagaan ini tanpa merugikan hak rakyat.

"Kita sanggup bertolak ansur tetapi ada orang-orang tertentu yang sengaja tidak menghargai sikap tolak ansur ini hingga kita menjadi tersekat dan terpaksa membusu tanpa menjelas apakah yang ditolak-ansurkan itu," tambahnya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa jika usaha kerajaan gagal, beliau tidak akan dapat lagi membusu scribu

bahasa kepada rakyat. akan mencapai kejayaan tetapi beliau berharap ia akan diselesaikan dengan kebijaksanaan tanpa membebankan mana-mana pihak menjadi penghalang yang memainkan peranan sebagai cuba menjejaskan usaha penghalang.

"Kita akan jelaskan se-tapi beliau berharap ia akan diselesaikan dengan kebijaksanaan tanpa membebankan mana-mana pihak menjadi penghalang yang memainkan peranan sebagai cuba menjejaskan usaha penghalang."

"Ini bukan kerana kerajaan tidak mahu berterus terang tetapi kerana ingin menjaga perasaan dan suasananya untuk mengatasi masalah tersebut," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berharap rakyat akan memberi kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin mereka memandangkan masalah yang sedang dihadapi sekarang tidak dapat dijelaskan kerana takutkan ia mungkin akan menjejaskan usaha penyelesaiannya.

"Malangnya sedang kita berusaha untuk tidak bertolak ansur kepada rakyat, ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan untuk mengelirukan tentang perkara ini," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir percaya bahawa perkara itu

Beliau bangga dengan sokongan yang ditunjukkan oleh rakyat kepada kerajaan dalam menghadapi masalah tersebut. Katanya, perkara tersebut bukanlah perjuangannya seorang. "Saya adalah alat kepada rakyat dan jika tidak ada alat ini, akan ada alat lain. Yang pentingnya ialah rakyat bersatu padu dan memberi sokongan kepada kerajaan."

Dalam sidang akhbar kemudian sebelum berlepas pulang, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau membuat kenyataan berhubung dengan petualang-petualang tersebut di sini hari ini kerana mempunyai peluang berbuat demikian.

Menurutnya, perkara tersebut telah menyebabkan mereka berada dalam dilema yang besar. "Pada satu pihak, saya terpaksa menjelaskan kepada rakyat tetapi di sebelah pihak lain jika saya bercakap lebih dari sepatutnya ia akan menjejaskan usaha penyelesaian."

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri berkata beliau tidak menerima sebarang jemputan untuk pertemu-

an di antara raja-raja dengan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara esok tetapi tidak menolak kemungkinan terdapat beberapa orang lain yang akan hadir.

Datuk Sri Dr. Mahathir mensifatkan perjumpaan petang esok sebagai "satu kemajuan yang jelas dan petanda yang baik. Beliau juga menaruh harapan yang tinggi kepada perjumpaan itu.

Bila ditanya sama ada beliau akan menemui Yang di-Pertuan Agong bila-bila masa selepas perjumpaan itu, beliau berkata beliau akan berbuat demikian bila perlu, seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad juga berkata kepentingan rakyat tidak akan mendapat sebarang perhatian jika pemerintahan diktator wujud di negara ini.

"Malah kerajaan diktator tidak akan mempedulikan sama sekali sama ada rakyat mendapat sebarang nikmat," Perdana Menteri menegaskan.

"Pemerintahan raja mutlak juga demikian. Ia tidak akan memberi pertimangan kepada kepentingan rakyat," tambahnya.

Berucap di majlis meletakkan batu asas sebuah kompleks perniagaan di sini beliau berkata bagaimanapun